

10/08/1999

Suara `berang' Ahmad akan dikenang

Djazlan Zainal

AHMAD Razali Yusof mempunyai suara khas dan tersendiri dalam dunia puisi tanah air. Ciri khas yang dimilikinya sejak dulu hingga kini tanpa terpengaruh aneka aliran terbaru menjejapkan lagi penampilan beliau.

Seperti kata Rahman Shaari dalam kata pengantarnya, Ahmad sering menampilkan kata yang menerbitkan pengertian keras dan kasar.

Apatah lagi, apabila kata itu sering diulang. Ini jelas seperti dalam kumpulan Berang yang benar-benar mempamirkan keberangannya.

Menurut HB Jassin, puisi ialah kelahiran manusia seluruhnya, manusia daging dengan fikiran dan perasaannya. Kelebihan penyair dalam mempergunakan bahasa ialah menjiwai perkataan yang sudah usang digunakan oleh pilihan kata, kombinasi, perbandingan spontan dan sentiasa baru.

Kalau diperhatikan dengan teliti, Ahmad mengangkat ungkapan yang jarang digunakan kerana membawa pengertian suram (mahupun seram?) seperti puing, ngilu, sumpah, solat memberontak, terbunuh, lukah, kecundang malah kutang, paha, menyusuri tubuh perempuan dan seumpamanya, ronis erotik dan cemar.

Dalam sajak Degup (muka 1) Ahmad:

tiba-tiba aku mengingati kembali
puisi-puisi Rendra
yang tersangkut di bawah kutang
seorang pelacur
lalu mengeram di celah-celah malam
sehingga menumbangkan
semua perwakilan yang hadir
di sidang

Jelas tanggapan Ahmad terhadap puisi Rendra Bersatulah Pelacur-Pelacur Kota Jakarta.

Rendra sangat mengagumi penyair Sepanyol, Frederico Garcia Lorca terjerumus ke dalam teknik bentuk balada yang sangat mencintai manusia tersisih seperti pelacur, pembunuh, perompak dan wanita kesepian.

Kekaguman terhadap pelacur dalam Bersatulah Pelacur-Pelacur Kota Jakarta diungkap begini:

Saudari-saudariku. Bersatulah
Ambil galah
Kibarkan kutang-kutangmu
di ujungnya
Arakkan keliling kota
sebagai panji-panji
yang telah mereka nodai

Tidak ada persamaan antara kedua-dua sajak ini. Ahmad hanya mengimbau dan mengenang sajak Rendra.

Namun tolgan itu seharusnya daripada sesuatu yang mengganggu perasaannya. Persamaan itu barangkali dikongsi Rendra dan Ahmad.

Persamaan itu menurut Gustaf Flaubert: "Penyair tidak menyatakan yang buruk dan baik sebaliknya mengangkat hal seadanya tanpa penilaian."

Pembacalah yang berhak menilai baik buruknya. Hal ini seakan wujud dalam dunia kepenyairan Ahmad.

Perhatikan sajaknya Sekadar Catatan:
malam semakin jauh
meninggalkan gapaian
aku bagai laut ganas
menentang jari-jari

yang ingin merakam
nostalgia puaka,
ke dalam sebuah puisi
demi menjaga peribadi seorang sita
Ahmad boleh diibaratkan perajurit yang kalah dalam peperangan.

Perasaannya terluka.

Luka hati perajurit akan menghunuskan pedangnya. Luka hati penyair akan menghunuskan kata-katanya.

Jelas dalam kebanyakan puisi Ahmad ada pelanggaran dan penyimpangan leksikal, fonologi dan grafologi. Sajak Berang di bawah membuktikan:

kuhunuh pedangku
pada ruang malam
kutikam jarumku
pada resahku yang dalam
kucincang malamku
pada gelap yang luka
kupancung pagiku
yang rebah melintang
kusimpan maluku
ketika tusukan menjalang

Karya sastera adalah gambaran tertentu sebuah sistem budaya. Bahasa seniman menurut Saussure, terkandung dalam dua aspek pelambang dan yang dilambangkan. Kecenderungan karya sastera tidak pernah terlepas daripada konteks sosialnya.

kau datangkan sejuta cengkam
mengeram dalam fikirku
yang dalam
kau hadirkan sejuta cengkam
kau hadirkan peperangan
dalam diriku
akan kuancam dengan tajam
jarumku
(Berang muka 13)

Kewujudan orang kedua melalui kau jelas menggambarkan peperangan psikologi berlaku dalam dirinya. Ini disahihkan lagi dengan baris berbunyi:

daun usiaku tiba-tiba terjaga ketika detik/malamku terhampar/di ruang yang dipenuhi orang-orang mabuk yang senggoyongan (Detik, muka 15).

Ahmad secara lahiriahnya adalah pengamat. Daripada pengamatannya lahir peperangan dalam diri.

Menurut Lowes, pada puncak kekuatannya, tenaga kreatif bersifat sedar dan tidak sedar... secara sedar ia mengawal masuknya imaginasi yang berada di bawah sedar yang sudah mengalami metamorfosis secara tidak disedarinya.

Membaca keseluruhan sajak kumpulan Berang adalah membaca peperangan dalam diri Ahmad.

Peperangan terjadi apabila refleksi penyair tercetus daripada pantulan refleksi sosial.

Dalam hal ini, teori refleksi menyebut, peranan spritual dalam teori refleksi yang memberi gambaran dan menterjemahkan sejarah sosial yang ada dalam individu dan sastera sebagai laman terjemahannya. Ia diterjemahkan melalui gaya dan bentuk pengucapan. Kesannya, gambaran sosial seakan terlekat dalam ungkapan penyair secara peribadi.

Wilson Colin menyatakan, pengalaman mistik menyamai pengalaman estetik kerana kedua-duanya menimbulkan perluasan pengalaman sehari-hari. Proses penciptaan membuka ruang kenyataan lebih dalam seperti menerusi pengalaman mistik.

Penglihatan bayangan batin itu mempunyai persamaan pada alam zahir.

Manakala Subagio Sastrowardoyo menyatakan, sajak tercipta pada saat estetik atau puitis yang sekilas dan pada saat itulah berkilat bayangan batin.

Pada saat puitis juga segala sesuatu menjelaskan pertaliannya yang asasi dengan tugas serta makna pokok. Pertalian itu tertangkap dengan sekali gus secara intuitif dan oleh itu imagery atau gatra yang menjadi unsur inti pada bangunan sajak, menjelma dalam batin.

Sosial yang melatarbelakangi sajak Ahmad adalah daerah pengalamannya sebagai manusia Melayu kerana manusia Melayu inilah ia memancarkan kata suram (seram?) seperti pukau, mabuk, sumpah, terhunus, tikam, dendam, amok dan seumpamanya yang amat rapat dengan sifat manusia Melayu.

Latar kedua ialah manusia Melayu (diri penyair) apabila mengamati manusia rumpun lain seperti Pusan, Seoul, Dubai, Frankfurt, Yugoslavia dan London.

Sebagai pemerhati, Ahmad masih peka membawa seluruh unsur luar yang dilihatnya ke dalam peribadinya. Seperti sajak Sebuah Gereja yang dihasilkan di Yugoslavia.

Di puncak Bukit Ohrid
jeritan Kristus memuncak
zaman yang mati
terpahat di batu ingatan
kaukah Kristus
yang tersalib
sambil mengamuk
tamadun duniaku

Suara Ahmad seiras pemikiran Dr Mahathir ketika membentangkan fikirannya dalam Islam: The Misunderstood Religion. Menurut Dr Mahathir, media Barat sering memberi gambaran Islam dan keganasan sangat berkaitan. Sedangkan keganasan yang dilakukan Kristian tidak dipandang sebagai keganasan.

Yugoslavia atau lebih tepatnya Bosnia-Herzegovina dan kini Kosovo adalah terjemahan yang layak Ahmad katakan, Kristus yang tersalib sambil mengamuk tamadun duniaku.

Sementara sajak Pembuat Jalan (muka 59) yang dihasilkan di London adalah kesinisan penyair terhadap bangsa penjajah. Katanya:

kau yang pernah menjajahku
rupa-rupanya seperti bangsaku
melakukan kerja seperti nenek
moyangku dahulu

Ahmad sebagai pengamat kurang berkesan berbanding pratagonis. Ini dapat diperhatikan pengamatan Ahmad melalui sajaknya yang dirakamkan di luar negara.

Ia hanya sekadar pandangan luaran yang tidak berjiwa berbanding puisi dalamnya yang mempunyai unsur falsafah dan meta forika.

Sajak Getar (muka 17) paling ketara memperlihatkan Ahmad mempunyai keahlian menyusun frasa dan kalimat yang menimbulkan makna konotatif.

Ahmad adalah penyair yang membina empayar dan gaya kepenyairannya tersendiri.

Keunggulannya ialah tiada siapa pun penyair lain yang berjaya mengikuti gayanya itu. Malah dalam jangka masa akan datang Ahmad dikenang sebagai penyair yang menobatkan ungkapan kasar dan menyeramkan.

Persoalannya, wajarkah penyair yang seharusnya berjiwa sentimental dengan segala keunggulan memilih ungkapan terbaik dalam susunan terbaik, mengemukakan kata dalam susunan suram seram?

Sekiranya ia menjadi ikutan dan amalan, apa lagi keindahan puisi yang tinggal. Sama-sama kita renunginya.

(END)